



Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

NOTIS MAKLUMAN

Prosedur Operasi Standard (SOP) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan orang ramai dan para penumpang mengenai prosedur dan langkah pencegahan terkini di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) seperti berikut:

- i. Orang ramai adalah dibenarkan bagi menghantar individu yang hendak membuat perjalanan keluar negeri mengikut had kapasiti dewan berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) yang dibenarkan iaitu pada 75% dari had kapasiti atau maksima 300 orang.
- ii. Bagi ketibaan penumpang-penumpang yang tiba di LTAB, keluarga atau rakan-rakan tidak dibenarkan untuk menjemput atau menyambut mereka yang tiba di LTAB kerana semua penumpang akan terus menjalani pengasingan diri mandatori di hotel penginapan yang diisytiharkan.
- iii. Semua penumpang dan orang ramai dikehendaki untuk mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki Bangunan Terminal LTAB. Hanya individu yang mempunyai kod warna **HIJAU** dan **KUNING** akan dibenarkan masuk.
- iv. Orang ramai yang hendak memasuki Bangunan Terminal Lapangan Terbang tetapi belum melengkapkan vaksinasi mereka dikehendaki untuk menunjukkan hasil ujian saringan Antigen Rapid Test (ART) yang negatif daripada Pusat ART yang diiktiraf, yang mana tempoh pengesahan keputusan ujian adalah sah bagi tempoh dua (2) hari dari ianya diambil.
- v. Penumpang-penumpang yang akan membuat penerbangan dikehendaki menunjukkan dokumentasi penerbangan yang sah.
- vi. Restoran, kafe dan kedai-kedai di dalam Bangunan Terminal LTAB adalah dihadkan kepada 75% kapasiti mengikut kawasan premis masing-masing.
- vii. Jabatan Ini ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sistem penghawa dingin di Dewan-Dewan Ketibaan dan Perlepasan di LTAB sedang mengalami kerosakan teknikal dan kerja-kerja penggantian dan membaikpulih sedang dijalankan. Pihak DCA ingin memohon maaf atas kekurangan selesaian yang dialami oleh pengguna-pengguna LTAB semasa tempoh pembaikpulih ini.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi **+673 2331747** or email info.dca@dca.gov.bn.